# Kembalinya budaya jahiliah

H. Metro m/s 12 13.2.07

>>Oleh Muhamad Safar Ahmad
safar@hmetro.com.my

SEBUAH hospital di sebuah negara asing menyediakan kiosk khas bagi pasangan tidak mahu bayi baru dilahirkan, 'membuang' bayi berkenaan di situ.

Ia menyediakan tingkap kecil di satu sudut untuk memudahkan pasangan terbabit meletakkan bayi dalam inkubator tanpa perlu memberikan maklumat peribadi ibu bapa bayi.

Selepas melalui beberapa prosedur tertentu, bayi berkenaan akan diserahkan kepada keluarga angkat.

Menurut pihak hospital, idea itu timbul selepas melihat banyak kes pengguguran bayi tidak berdosa yang dinafikan hak mereka untuk menikmati kehidupan.

Itu mungkin cara masyarakat di negara berkenaan. Namun cadangan seumpama

bantahan sebelum ini.

Walaupun niatnya baik, pasti ramai yang menentang dengan alasan akan meningkatkan kes kelahiran anak luar nikah.

Lantaran tiada lagi tempat lain, maka tong sampah, tandas, semak-samun atau kaki lima menjadi lokasi popular untuk menempatkan bayi yang tidak dikehendaki.

Penemuan mayat seorang bayi lelaki dalam keadaan bogel berdekatan kawasan flet di Seremban, Isnin minggu lepas, jelas membuktikan masih ada manusia tidak berhati perut melayan darah daging sendiri seperti sampah dan binatang.

Insiden menghiris hati itu seolah-olah menggambarkan kita hidup di zaman jahiliah yang penuh dengan kegelapan dan kebatilan.

Imam al-Ghazali pernah berpesan bahawa anak adalah amanah Allah yang harus dididik dengan baik dan tin-

Kamilah yang memberi rezeki kepada mereka dan juga kepadamu. Sesungguhnya membunuh mereka adalah satu dosa besar."

Sesuatu yang membezakan antara masyarakat kita dengan jahiliah ialah ilmu. Masyarakat jahiliah adalah satu kaum yang menolak ajaran Islam dan mewarisi kepercayaan nenek moyang mereka sejak berabad lamanya.

Namun, dalam kes masyarakat hari ini, kebanyakan daripada kita dilahirkan di tengah-tengah peradaban dan budaya Islam yang kukuh. Kita mewarisi kepercayaan dan cara hidup Islam yang penuh dengan ketakwaan dan kasih sayang.

Malah, ada kes kelahiran anak luar nikah membabitkan mereka yang berpendidikan tinggi seperti mana kejadian seorang mahasiswi sebuah institusi pengajian tinggi tinggi awam (IPTA) di utara tanah air yang mela-

ma menyelongkar segenap taman, hotel dan rumah tumpangan, namun fenomena sosial dan gejala maksiat nampaknya semakin kronik.

Ironinya kebanyakan kes membuang bayi membabitkan mereka beragama Islam.

Kaunselor dan ustaz hanya boleh memberikan panda-

melahirkan anak tanpa nikah dan kemungkinan berdepan tindakan undang-undang sedangkan pasangan tidak mahu bertanggungjawab dan bebas begitu saja.

Dalam hal ini, ada pihak mencadangkan bapa kepada bayi yang dibuang itu perlu dikenakan hukuman setimpal kerana mereka juga di-



KEJAM...mayat bayi lelaki yang ditemui di Seremban.

jika dapat melakukannya sendiri mendorong remaja mencubanya, lalu terjerumuslah mereka dalam apa yang sangat kita takuti.

Kekurangan pengetahuan di kalangan golongan muda berhubung prinsip seksual dan kesan secara biologi terhadap tindak-tanduk mereka menjadikan masalah ini semakin sukar dibendung apabila ramai gadis yang 'terbunting' lantaran kegelojohan mereka.

Di Barat, kita jarang mendengar kes pembuangan bayi kerana mereka sudah didedahkan dengan pendidikan seks.

Khabarnya di negara ini Kabinet juga sudah meluluskan pelaksanaan pendidikan seks di sekolah mulai tahun ini selepas menerima cadangan dikemukakan Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Pelaksanaan Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan

itu adalah mustahil untuk dipraktikkan di negara ini kerana masyarakat kita mungkin sukar menerima idea itu.

Paling teruk, kerajaan akan berdepan dengan kontroversi berpanjangan jika dilaksanakan seperti mana cadangan memberikan kondom kepada pasangan muda-mudi yang mencetuskan banyak

dakan membuang bayi adalah mirip dengan apa yang dilakukan kaum jahiliah.

Membunuh dengan cara membuang bayi adalah perbuatan yang dilarang keras, walau apa juga alasannya.

Allah berfirman dalam Surah Al-Isra' ayat 31 yang bermaksud: "...dan janganlah kamu membunuh anak-anakmu kerana takutkan kemiskinan.

hirkan anak di asrama sedikit masa dulu.

Hujah ini menyangkal pendapat mengatakan pelaku masalah sosial terdiri daripada mereka yang cetek ilmu agama.

Sudah kering air liur ustaz dan mufti bertarbiah, sudah bosan pakar motivasi memberi ceramah dan sudah letih pegawai penguat kuasa aga-

ngan dan nasihat secara teori, namun amalinya terletak di tangan individu.

Berdasarkan maklumat polis dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), kebanyakan kes membuang bayi membabitkan wanita muda dan remaja yang trauma akibat ditinggalkan pasangan sebaik disah mengandung.

Mereka tertekan kerana anggap bersubahat.

Ketika ini, Kanun Keseksaan hanya memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun terhadap wanita yang didapati bersalah membuang bayi dan ini disifatkan sebagai tidak adil bagi wanita.

Kajian bagi tempoh empat tahun yang dilakukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) sepanjang 2000 hingga 2003, menunjukkan sejumlah 5,004 kes rogol dicatatkan di seluruh negara, sumbang mahram (937) dan pembuangan bayi sebanyak 323 kes.

Angka di atas agak sukar untuk dikecilkan jika kita sekadar mengambil langkah memupuk nilai murni kepada anak remaja kita tanpa ada usaha daripada satu pihak lagi menilai semula beberapa dasar serta impak sosiologi pada era teknologi hari ini.

Desakan seksual adalah naluri asas manusia dan ia banyak dipengaruhi daripada unsur luaran yang berada di sekitar kita setiap hari.

Satu laporan media baru-baru ini mendedahkan orang Melayu sekarang terlalu banyak diselubungi hiburan, terutama melalui televisyen.

Remaja yang terlalu kerap disogokkan dengan rancangan televisyen yang mempunyai adegan ranjang atau berpelukan (walaupun selepas ditapis) yang dengan mudah membangkitkan berahi golongan itu.

Lantas, memikirkan keseronokan yang bakal dikecapi

Kesihatan Reproduktif dan Sosial itu akan membabitkan lima kategori umur iaitu murid prasekolah (empat hingga enam tahun), kanak-kanak (tujuh hingga sembilan tahun), awal remaja (10 hingga 12 tahun), remaja (13 hingga 18 tahun) dan dewasa (19 tahun ke atas) yang membabitkan pelajar institusi pengajian tinggi, ibu bapa dan warga emas.

Sebenarnya cadangan untuk mewujudkan Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial itu dicetuskan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat sejak 2002 lagi berikutan peningkatan gejala salah laku seksual, sumbang mahram, hubungan seks luar nikah, rogol, penderaan seksual, pengguguran dan pembuangan bayi serta penularan penyakit Aids.

Kedua-dua kementerian itu berpendapat tindakan terbabit perlu supaya masyarakat, khususnya golongan remaja diberikan maklumat tepat dan terperinci bagi membendung masalah sosial berkenaan.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil menggesa pelaksanaan pendidikan seks di sekolah disegerakan bagi membendung gejala seks bebas, khususnya membabitkan remaja Melayu.

Gesaan itu dibuat berikutan laporan peningkatan remaja Melayu melahirkan anak luar nikah berbanding lima tahun lalu.